

21/06/2002

PM lancar buku Pelan Tindakan Kedah Maju 2010

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan buku Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 yang memuatkan wawasan negeri itu untuk menjadi negeri maju dengan ekonomi mapan dan masyarakat progresif.

Majlis yang dianjurkan Perhubungan Umno Kedah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), turut dihadiri Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zin dan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman.

Mengikut pelan tindakan itu, empat cabaran utama yang akan dihadapi ialah untuk mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 15 peratus setahun, melaksanakan agihan kekayaan hasil pembangunan ekonomi untuk dinikmati semua masyarakat dengan adil, menjalankan pembangunan fizikal yang seimbang dan membentuk masyarakat yang patriotik, jati diri, bermoral dan menguasai ilmu.

Sehubungan itu, empat teras strategik dikenal pasti sebagai pemacu pencapaian wawasan itu iaitu membangunkan ekonomi yang dinamik, progresif, kompetitif dan berdaya tahan; melaksanakan pembangunan yang seimbang dan membentuk masyarakat yang saksama; mewujudkan masyarakat berilmu dan jati diri dan mengukuhkan institusi dan jentera pentadbiran bagi melaksanakan program pembangunan negeri itu.

Sebanyak lapan sektor dikenal pasti bagi tujuan itu iaitu sektor industri, pelancongan, pertanian, pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) pendidikan, pembangunan sumber manusia, perumahan dan prasarana dan utiliti.

(END)